

U B091 AAB
PARLIMEN - ZIONIS

KUALA LUMPUR, 10 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN MEMANDANG SERIUS KEGIATAN ZIONIS YANG MEMPERALATKAN INDIVIDU DAN KUMPULAN DI NEGARA INI BAGI MEMBURUK-BURUKKAN IMEJ KERAJAAN DAN MELEMAHKAN EKONOMI NEGARA MELALUI PERMAINAN ISU-ISU TERTENTU.

KATANYA, SEJAK MALAYSIA MENEGASKAN PENDIRIANNYA MENENTANG KEZALIMAN ZIONIS TERHADAP ORANG-ORANG PALESTIN DAN ARAB, KERAJAAN MENYEDARI TELAH TIMBUL UNSUR DAN GEJALA PIHAK ZIONIS UNTUK MENGANGGU-GUGAT KEUTUHAN EKONOMI DAN KESTABILAN POLITIK NEGARA.

+TOHMAHAN DAN FITNAH YANG BOLEH MENIMBULKAN KEBIMBANGAN DAN KERAGUAN PELABUR-PELABUR TERHADAP KEKUATAN EKONOMI MELALUI TUDUHAN-TUDUHAN RASUAH TERHADAP PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN SERTA KESTABILAN POLITIK TELAH MUNCUL SECARA TERENCANA SEHINGGAKAN RAMAI RAKYAT MENJADI BIMBANG DAN GELISAH.

+ADA PULA SEGELINTIR INDIVIDU DAN KUMPULAN YANG SECARA SEDAR ATAU TIDAK DIPERALATKAN OLEH PIHAK ZIONIS INI,+ KATANYA SEMASA MENJAWAB SOALAN DR CHEN MAN HIN (DAP-SEREMBAN) DI DEWAN RAKYAT.

DR CHEN MEMINTA PERDANA MENTERI MENYATAKAN SAMA ADA DAKWAAN BERHUBUNG DENGAN PENGAMBIL-ALIHAN UMBC TAHUN LEPAS OLEH DUA BUAH SYARIKAT KELUARGA MENTERI KEWANGAN ENCIK DAIM ZAINUDDIN MERUPAKAN SALAH SATU DARIPADA KOMPLOT ZIONIS UNTUK MELEMAHKAN KEUTUHAN PARA PEMIMPIN NEGARA INI. -- LAGI

1655MST 10 10 86

U B092 AAB
PARLIMEN - ZIONIS 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI MAHATHIR, BAGAIMANAPUN, TIDAK MENYEBUTKAN NAMA-NAMA ORANG, PERTUBUHAN ATAU NEGERI YANG TERLIBAT KERANA KATANYA ADALAH TIDAK WAJAR IANYA DIDEPAHKAN DISEBABKAN ITU ADALAH RAHSIA KERAJAAN.

+PERKARA INI PENTING SUPAYA TIDAK MENJEJAS ATAU MENYULITKAN TINDAK-BALAS KERAJAAN BAGI MENENTUKAN ANCAMAN INI TIDAK MENJADI LEBIH SERIUS DAN BERLARUTAN,+ JELAS BELIAU.

KATANYA, KERAJAAN MEMANDANG ANCAMAN ITU DENGAN SERIUS DAN AKAN TERUS MENGAMBIL TINDAKAN-TINDAKAN TERTENTU BAGI MENUMPUL SERTA MEMATAHKAN ANCAMAN DAN NIAT JAHAT PUAH-PUAH SEPERTI ITU DARIPADA MENGUASAI DAN MERACUNI PEMIKIRAN RAKYAT SERTA PELABUR-PELABUR.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU PERDANA MENTERI MENASIHATI RAKYAT YANG CINTAKAN NEGARA BERWASPADA TERHADAP GEJALA ITU SUPAYA TIDAK DIPERALATKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG INGIN MENGHANCURKAN NEGARA.

BELIAU BERKATA TAKTIK DAN CARA PIHAK ZIONIS BERTINDAK DALAM KOMPLOT MEREKA MENGGANGU-GUGAT MANA-MANA NEGARA, PERTUBUHAN ATAU INDIVIDU YANG TERNAMPAK SEBAGAI MENYEBELAH PERJUANGAN HAK ORANG-ORANG PALESTIN ATAU ARAB DI ASIA BARAT, AMATLAH LICIN. -- LAGI
1657MST 10 10 86

U B093 AAB
PARLIMEN - ZIONIS 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, CARA YANG KERAP-KALI DIGUNAKAN OLEH PIHAK ZIONIS TERHADAP MANGSA-MANGSA MEREKA IALAH DENGAN MENIMBULKAN TOHMAHAN, FITNAH, UGUTAN SERTA TINDAKAN SULIT YANG DIKENALI SEBAGAI TAKTIK KOTOR MENERUSI AGENSI-AGENSI RAHSIA MEREKA.

+KERAP-KALI JUGA PIHAK ZIONIS MENGGUNAKAN SALURAN-SALURAN TERBUKA SEPERTI AKHBAR DAN PERTUBUHAN YANG SAH SUPAYA MENYEMBUNYIKAN NIAT JAHAT MEREKA BAGI MENABUR FITNAH,+ KATANYA.

MENURUTNYA, FITNAH ITU DITABUR DENGAN MEMAINKAN ISU-ISU SEMASA YANG LUMRAH DIBANGKITKAN OLEH PUAH-PUAH TERTENTU DALAM NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PENULISAN-PENULISAN TERBUKA DAN LAPORAN-LAPORAN SULIT MENGENAI TAKTIK-TAKTIK KOTOR ZIONIS DAN PUAH-PUAH SULIT LAIN PERNAH DIBUAT OLEH MEREKA YANG MENJADI MANGSA.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK ZUBIR EMBONG (BN-KUALA TERENGGANU), BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN MENGGUNAKAN SEGALA UNDANG-UNDANG YANG ADA BAGI MEMBANTERAS KEGIATAN ZIONIS SEKIRANYA IA MENJEJASKAN EKONOMI SEHINGGA MENYULITKAN PENTADBIRAN NEGARA. -- LAGI
1704MST 10 10 86

U B098 AAB
PARLIMEN - ZIONIS 4 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DR TAN SENG GIAW (DAP-KEPONG), DATUK SERI MAHATHIR BERKATA BEZANYA ANTARA ORANG YAHUDI DENGAN ZIONIS IALAH ORANG-ORANG YAHUDI HANYA MENGANUT AGAMA YAHUDI DAN TIDAK TERLIBAT DENGAN PERASAAN KEBANGSAAN YANG MENYELURUH.

SEDANGKAN ZIONIS ADALAH PENCINTA-PENCINTA ZION YANG SANGGUP MELAKUKAN APA SAHAJA WALAUPUN MELAKUKAN KEKEJAMAN DI MANA-MANA TANPA MENGIIRA KEPENTINGAN NEGARA LAIN DEMI MENEGAKKAN KEPENTINGAN NEGARA ASAL MEREKA.

MENGENAI PEMBELIAN SAHAM UMBC, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK PERLU MENGULAS PERKARA ITU LAGI KERANA ENCIK DAIM TELAHPUN MEMBERI JAWAPAN SECARA BERTULIS RABU LEPAS.

BELIAU JUGA BERSETUJU BAHAWA SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA TIDAK PERLU DITUBUH MEMANDANGKAN TIDAK TERDAPAT PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DALAM URUSNIAGA UMBC. -- BERNAMA
1710MST 10 10 86